

GETAH: RANCHANGAN PENANAMAN

BANDAR BRUNEI — Pejabat Tanaman Brunei telah membeli benih getah dari Malaya untuk di-berikan kepada orang2 getah di-negeri ini oleh sebab chukai-nya telah di-naikkan.

Keputusan ini telah di-ambil kerana hendak menyelamatkan wang.

Dalam satu kenyataan Pegawai Tanaman Brunei, Yang Berhormat Inche Hamidoon bin Awang Damit berkata bahawa Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah menaikkan chukai atas benih itu dari \$3 kepada \$10 pada satu paun.

Chukai itu bersamaan dengan 10 sen bagi sa-biji benih dan tidak termasuk harga-nya.

Untuk mengatasi perkara ini peladang2 getah negeri ini adalah di-kehendaki menggunakan benih2 tempatan yang baik jenis-nya untuk menggantikan benih yang di-bawa masuk dari Malaya itu.

Sa-telah benih itu tumbuh dan berumur 9 — 12 bulan ia-nya akan di-chantumkan dengan mata tunas, Tjir 1, yang diakui baik itu oleh pegawai2 Pejabat Tanaman.

Peladang2 akan di-kenakan bayaran 20 sen pada tiap2 sa-pokok yang hidup kelak.

Peladang2 yang pandai menchantum ada-lah di-benarkan

menchantumkan sendiri mata tunas yang di-keluarkan oleh Pejabat Tanaman.

Batang mata tunas itu di-jual dengan harga \$2 pada sa-ela dan

di-beli melalui pegawai2 tanaman di-daerah masing2 ia-itu di-Bandar Brunei, Kuala Belait, Tutong dan Temburong.

Sungguh pun demikian segala peratoran mengenai ranchangan perkembangan tanaman getah Negeri Brunei tidak berubah.

Kenyataan itu akhir-nya berkata bahawa pegawai2 tanaman di-seluruh negeri akan memberi penerangan yang lebeh lanjut kepada penanam2 getah jika di-kehendaki.

JURUTERA SHORKAN PEMBENAAN PELABOAHAN DALAM DI-MUARA

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang jurutera awam dari Singapura Tuan H.F. Goldstein berpendapat bahawa membukakan kuala Sungai Belait untuk kapal2 besar ada-lah satu perkara yang akan banyak memakan wang.

Tuan Goldstein membidas pendapat sa-orang jurutera awam lain, Tuan H. P. G. de Sidleeki, yang telah mengeshorkan bahawa kuala Sungai Belait boleh diperdalamkan sa-hingga kapal2 yang 6,000 tan berat-nya dapat masuk ka-tambatan kapal Kuala Belait.

Tuan Goldstein berkata bahawa kerumitan2 mengenai kuala sungai itu ada-lah di-kehendaki tetapi kerja kejuruteraan yang akan di-kehendaki untuk membuang pasir di-situ akan ber-

panjang dan banyak menggunakan wang.

Sa-lain dari perbelanjaan membeli perkakas, kerja mendalamkan kuala itu akan terpaksa dilakukan sa-panjang tahun.

Tuan Goldstein berfikir bahawa Muara ada-lah lebeh baik dijadikan pelabuhan besar bagi Negeri Brunei dan belanja kerana menguruskan hal itu tidak-lah begitu besar.

Laut di-Muara ada-lah dalam dan bandar itu hanya-lah 75 batu sahaja jauh-nya dari Kuala Belait.

Selesema serang penduduk2 negeri

BANDAR BRUNEI — Demam selesema telah menyerang beberapa orang di-Bandar Brunei dan mengganggu kesihatan penduduk2 bandar ini pada hujung bulan-lepas dan awal bulan ini.

Dalam satu kenyataan Pegawai Perubatan Negeri berkata bahawa beberapa orang telah di-kehendaki diserang oleh penyakit tersebut.

Tanda2 penyakit itu ialah — panas badan sa-lama sa-hari sampai enam hari, sakit pada kaki, tangan dan belakang dan sakit tekak serta batok.

Untuk menchegeh penyakit itu dari berjangkit orang2 yang menghidap penyakit itu telah di-nasihatkan supaya jangan datang ka-tempat2 perhimpunan.

Sungguh pun penyakit itu di-katakan wabak sa-lain dari mengganggu kesihatan ia tidak-lah merbahaya sa-hingga menyebabkan kematian.

Penyiasatan bunuh: 2 Iban bebas dari tahanan

KUALA BELAIT. — Dua orang Iban, Sinau anak Bawan dan Bagop anak Gan telah di-bebaskan dari tahanan sa-telah di-hadapkan di-mahkamah berkenaan dengan penyiasatan atas kematian sa-orang perempuan China di-Sungai Tali.

Perempuan itu, Teoh Ah Fung telah di-dapati terbunuh dalam bulan January tahun lepas.

Orang2 Iban itu telah di-tangkap di-Bahagian Kelima, Sarawak, berikutan dengan penyiasatan Polis atas kematian tersebut.



Gambar di-atas ia-lah pemandangan sa-bahagian jalan raya yang menghubungkan Bandar Brunei dengan Seria dan Kuala Belait. Di-bawah ranchangan membena jalan raya untuk menghubungkan bandar2 besar dengan kampung2 di-seluruh negeri Kerajaan Brunei telah membena jalan2 raya sa-panjang 260 batu.

Keputusan pepereksaan kerani2 bahagian rendah

BANDAR BRUNEI. — Empat puluh satu orang kaki tangan kerajaan telah lulus dalam pepereksaan kerani bahagian rendah grade "A" dan "B" yang di-adakan pada akhir tahun lepas.

Mereka itu ia-lah di-antara 170 orang dari pejabat2 kerajaan di-seluruh negeri yang telah masuk pepereksaan tersebut.

Antara yang berjaya itu 29 orang lulus dalam pepereksaan Grade "A".

Kechualian masuk pepereksaan yang akan datang dengan sa-penoh-nya telah di-beri kepada 12 orang dari grade "B" dan 24 orang dari grade "A". Mereka itu tidak lulus hanya dalam satu perkara.

Pepereksaan telah di-adakan dalam perkara2: ilmu hisab, atoran pejabat, pengetahuan am, taiping, salinan tangan, karan-gan, penterjemahan dan pertu-toran Inggeris.

Kaki tangan kerajaan yang telah lulus itu ia-lah:

GRADE 'B'

Juliana Yapp, Ya'acob bin

Kebenaran membakar petas

BANDAR BRUNEI — Pesu-roh Jaya Polis Brunei, Tuan A.N. Outram telah membenarkan petas di-bakar pada jam dan hari2 yang di-tentukan pada masa pe-rayaan menyambut tahun baharu China.

Hari tahun baharu China itu jatuh pada 28 January tetapi petas boleh di-bakar seperti ber-ikut:—

14 January — dari pukul 6 pagi sampai pukul 12 tengah malam,

22 January — dari pukul 6 pagi sampai pukul 10 pagi,

27 January — dari pukul 5 petang sampai pukul 6 pagi,

28 January hingga 1 February — dari pukul 6 pagi sampai tengah malam pada tiap2 hari.

4 Februarv — dari pukul 12 malam sampai pukul 10 pagi,

11 Februarv — dari pukul 6 pagi.

Petas2 yang di-bakar itu tidak di-benarkan di-champakkan di-tempat2 perhimpunan, jalan raya atau jalan kaki lima.

Pembakaran petas tidak di-benarkan dekat tambatan kapal, kapal atau tempat2 menyimpan atau menjual minyak petrol.

Harga dagangan

HARGA dagangan kerana tu-juan mengenakan cukai telah di-tetapkan oleh Pejabat Kastam seperti berikut mulai 18 Janu-ary, 1960:

Lada \$291 sa-pikul, lada hitam \$198 sa-pikul dan buah kawang \$47.09 sa-pikul.

GRADE 'A'

Noor Kaseh bin A. Ahmad, Ahmad bin Sapar, Ak. Matersad bin Peng. Metassan, Asmat bin Haji Salleh Ak. Aji bin Peng. Mohamed, Samshudin bin Ha-shim, Abu Hasrah bin Abd. Sa-mad, Mohd. Ali bin Mokti, Mohd. Yusof bin Serudin.

Pengiran Damit bin Peng. Ba- kar Mohd. Hussain bin Omar Mohd. Tarif bin Mohd. Yusof, Yahya Haji Tengah Ak. Kahar bin P. H. Ahmad, M. Ya'akub bin Sidek, Merak bin Nyawa, Adenan bin Umar.

Mohd. Yusof, Ang Kwang Joo, Donald Wong, Teo Ah Hoon, Lee Yun Sang, Richard Lai Thian Soo, Wong Wing Kim, Ak. Jaludin bin Pg. Mohamed, Leong Yuck Chin, Saim bin Abu, Ibrahim bin Tinggal.

TERIKH PEMEREKSAAN SUKATAN DAN TIMBANGAN DI-BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Pemereksaan sukatan dan timbangan bagi tahun 1960 telah mula di-jalankan di-Bandar Brunei pada 4 January ini oleh Pegawai Pemereksa Sukatan dan Timbangan.

Pemereksaan itu akan berjalan di-Bandar Brunei sa-hingga 6 February.

Sa-lepas itu pegawai itu dan penolong2-nya akan melawat ka-seluruh negeri untuk memereksa sukatan dan timbangan seperti berikut:

Muara, Serasa dan Batu Ma-rang 8 February, Bandar Brunei 9 February, Baru2 Berbunat dan Labu 12 February — 13 Febru-ary, Batu Apoi, Temburong La-ma, Biang Estate dan Belaban 14 February, Bangar termasuk Pendaruan 15 February — 17 February.

Bandar Brunei 20 February, Sengkurong, Tutong dan Danau 22 February — 24 February, Tunggolian dan Sungai Liang 25 February, Bandar Brunei 27 Febru-ary — 3 March.

Kuala Belait 4 March, Badas, Bukit Sawat dan Sawmill 5 March, Pengkalan Siong dan Sukang 6 March, Labi (Rumah Tumpangan) 7 March—8 March,

Kuala Balai 9 March, Kuala Be-lait (Balai Polis) 11 March — 17 March, Seria (Pejabat Kerajaan) 18 March — 23 March.

Pedagang2 dan orang2 yang mempunyai alat2 menimbang dan menyukat ada-lah di-kehenda-ki oleh undang2 mengeluarkan-nya untuk di-pereksa.

TAWARAN HADIAH WANG KAPADA PENGARANG2 DARI BORNEO

BANDAR BRUNEI — Dewan Perpustakaan Borneo menawarkan hadiah2 berupa wang sa-banyak \$500 kepada pengarang2 di-Borneo yang berjaya dalam peraduan mengarang yang kedua yang di-anjorkan oleh Perpusta-kaan itu.

Sa-lain dari hadiah pengarang2 yang berjaya akan juga mendapat faedah dari jualan buku cerita karangan mereka itu.

Peraduan ini mengutamakan karangan2 yang di-asaskan pada tajok2 yang berkenaan dengan Sarawak Borneo Utara atau penduduk2-nya.

Karangan itu hendak-lah an-tara 3,000 sampai 15,000 perka-taan panjang-nya dan di-tulis dengan terang atau di-taip.

Karangan2 itu hendak-lah di-sampaikan kepada: The Direc-tor, Borneo Literature Bureau, Kuching, Sarawak tidak lewat dari 31 May, 1960.

Perpustakaan itu menerima karangan dalam bahasa Inggeris, Melayu China atau lain2 bahasa yang di-gunakan di-Sarawak dan Borneo Utara.

Murid patah kaki kena langgar kereta

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang murid laki2 berumur 14 tahun telah chedera pada kaki-nya baharu2 ini sa-telah di-langgar oleh sa-buah kereta.

Budak itu sedang menunggang basikal dalam perjalanan hendak balek ka-rumah dari sekolah pa-da masa kemalangan itu berlaku.

Ia telah di-bawa ka-rumah sa-kit untuk di-rawat. Keadaan-nya tidak membinbangan.



Enam orang gadis ini ia-lah penuntut2 Brunei di-Kent College, Jesselton. Mereka telah balek ka-maktab latehan guru2 itu pada hari Sabtu lepas sa-telah berchuti beberapa minggu di-Brunei.

Kumpulan ini mungkin yang penghabisan di-hantar mendapat latehan di-Kent College.

Mulai tahun ini guru2 perempuan Brunei akan mendapat latehan di-Maktab Latehan Guru2 Brunei sendiri di-Berakas dekat Bandar Brunei.

Sa-ramai delapan orang guru perempuan ada-lah di-jadualkan memasoki Maktab Latehan Guru2 Brunei pada 1 February hadapan.

PERSEKUTUAN DUKONG LIMA DASAR UNTOK KEPENTINGAN AHLI2

DENGAN bergerak perlahan2 Persekutuan Guru2 Melayu Brunei yang di-tubuhkan untuk menjaga kepentingan ahli2-nya itu sekarang ini mendukong 5 dasar besar dalam ranchangan perkembangan persekutuan tersebut.

Kerana kepentingan ahli2 Persekutuan itu telah menubuhkan :

- ◆ Sharikat kerjasama dan bantu membantu,
- ◆ Iktesad guru2,
- ◆ Derma suka dan duka,
- ◆ Ranchangan 5 tahun untuk membena rumah persekutuan.

Persekutuan itu telah di-tubuhkan 20 tahun dahulu sa-telah berjalan sa-chara perhubungan hampir dua tahun lama-nya. Pendaftaran-nya telah di-luluskan dalam tahun 1939.

BERANSOR2 MAJU

Mengikut kenyataan setiausaha penerangan, Inche Sabtu bin Muhammad :

"Semenjak persekutuan ini di-tubuhkan, perjalanan-nya dari sa-masa ka-samasa beransor2 maju, demikian juga ahli2-nya bertambah2 dari sa-tahun ka-sa-tahun.

"Ahli2-nya hanya-lah terdiri dari guru2 Melayu sahaja."

Persekutuan Guru2 Melayu Brunei itu ia-lah sa-buah persekutuan yang tertua di-Negeri Brunei dan telah di-anjorkan

oleh sa-bahagian kecil guru2 Melayu di-Bandar Brunei.

Tetapi pada hari ini bilangan ahli-nya berjumlah 379 orang laki2 dan perempuan ia-itu semua guru2 Melayu di-Brunei ada-lah ahli persekutuan.

Kerana menjaga kebajikan ahli2 untuk membaiki nasib guru2 baik dalam lapangan pendidikan mahu pun lapangan penghidupan persekutuan itu telah menempoh bermacam2 perubahan.

Dalam menempoh perubahan2 itu pengalaman pahit getir telah di-harongi dalam pemerentahan Jepun.

MARA KA-HADAPAN

"Dunia telah mulai bertukar chorak dari aman kepada peperangan. Semenjak tahun 1939 lagi kenchah api perang telah mula bernyala dan dalam tahun 1941 api peperangan pun sampai-lah ka-Negeri Brunei," kata Inche Sabtu.

Berikutan dengan pendudukan Tentera Jepun di-negeri ini persekutuan itu telah terpaksa mem-berhentikan perjalanan-nya.

Persekutuan itu telah di-hidupkan sa-mula dalam tahun 1946.

Dari tahun itu PGGMB telah mengikut jejak langkah-nya yang asal serta mengadakan berbagai2 perubahan.

Sharikat kerjasama dan bantu membantu telah di-tubuhkan da-

lam tahun 1952. Penubohan sharikat itu ada-lah satu dari dasar2 persekutuan untuk mem-baiki nasib ahli2nya dengan men-yenangkan mereka menyimpan sa-bahagian kecil dari wang pendapatan tiap2 bulan.

Dari wang simpanan itu pula ahli2 ada-lah di-benarkan meminjam kerana membeli perka-kas2, harta2 kekal dan lain2 sa-perti tanah, membuat rumah dan membeli binatang ternakan.

Pinjaman itu di-kenakan sha-rat2 yang tertentu dan dijelas-kan dengan bayaran beransor2 tiap2 bulan dengan tidak mengurangkan yuran simpanan yang telah di-akui oleh ahli2 itu.

Dua tahun kemudian sa-lang-kah lagi persekutuan telah mara ka-hadapan untuk mendapat-kan kemajuan. Dalam tahun itu iktesad guru2 pula di-lanchar-kan.

Iktesad itu ia-lah sa-buah badan yang menjual barang2 ke-perluan hari2 yang di-fikirkan baik di-gunakan oleh ahli2 pada sa-bilang masa. Perkembangan dan kejayaan iktesad itu telah terbukti dalam sedikit masa sa-haja.

BERKAT KETABAHAN

Dengan mengeluarkan sher sambil menjual barang2 keper-luan hari iktesad itu yang mula-nya menyewa sa-bahagian kecil dari ruangan sa-buah kedai telah dapat membeli sa-pintu kedai di-Jalan Chevalier, Bandar Brunei.

Kejayaan ini ada-lah di-dapati dengan berkat ketabahan ahli2, ia-itu guru2 yang sentiasa be-kerjasama untuk memajukan ke-dai iktesad mereka.

Dalam tahun sharikat kerja-sama persekutuan itu di-tubuhkan persekutuan itu telah juga me-nubuhkan derma suka duka.

Tabong derma ini di-adakan untuk memberi bantuan kepada ahli2 dengan sa-chepat mungkin

* * *

Ahli2 jawatan kuasa bergambar ramai sa-telah mengadakan meshuarat agong-nya baharu2 ini. Bawah (kiri): Sahara Ahmad, sa-orang murid dari Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah telah menunjukkan satu tarian Melayu dan (kanan); penuntut2 pada malam itu.

apabila mereka itu menghadap sa-suatu kejadian yang tidak di-sangka2.

Penubohan derma itu telah di-gerakkan oleh pepatah : "Ma-lang tidak berbau, nasib tidak dapat di-raeh."

Faedah derma itu sangat besar. Sa-lain dari menolong tumpang bersuka pada masa perkahwinan, mithal-nya, derma itu merengan-kan beban ahli2 dalam kedukaan mereka.

Antara ranchangan2 yang be-lum memberi bukti ia-lah derma pelajaran anak guru2 sung-goh pun derma itu telah berjalan, semenjak tahun 1950 untuk memberi bantuan kepada anak guru2 meninggikan pelajaran mereka.

Wang derma itu terkumpul dari yuran yang di-kenakan ka-pada ahli2 mengikut tingkatan gaji masing2. Keadaan kum-pulan derma itu belum lagi da-pat menjamin kedudukan pelaja-r2.

Sa-baik sahaja kedudukan kumpulan derma mengizinkan persekutuan akan menghulorkan derma pelajaran tinggi itu ka-pada anak guru2 yang layak men-dapat dermasiswa tersebut.

Ranchangan lima tahun perse-kutuan kerana membena sa-buah bangunan telah di-lancharkan dalam tahun 1957. Persekutuan berharap bahawa ia akan mem-punyai sa-buah bangunan-nya sendiri dalam masa dua tahun lagi.

ULANG TAHU KE-20

Untuk menyambut hari ulang tahun ke-20 penubohan perseku-tuan, guru2 Melayu Brunei telah mengadakan satu temasha di-Dewan Civic Centre dalam bulan lepas.

Dalam temasha yang berlang-song sa-lama tiga malam itu guru2 telah mengadakan :

- ◆ Malam aneka warna,
- ◆ Majlis makan kecil, dan
- ◆ Majlis cheramah.

Malam aneka warna yang ber-chorak kebudayaan itu telah di-sulam dengan berbagai2 tarian, lawak jenaka dan persembahan adat istiadat Brunei.

Hampir 500 orang telah di-jemput ka-majlis makan kecil yang di-adakan pada malam kee-sokan-nya.

Temasha itu telah di-tamatkan dengan satu majlis cheramah yang di-dalam-nya beberapa orang pembesar negeri telah mem-beri serba sedikit pandangan dan pendapat mereka.

Bagi tahun ini persekutuan itu di-pimpin oleh :

Inche Othman bin Bidin, Yang di-Pertua, Pengiran Momin bin Pengiran Othman, Naib Yang di-Pertua, Inche Umar bin Mo-hammad, Setiausaha Inche Daud bin Serudin, Bendahari dan Inche Nordin bin Latif, Pengerusi Tetap.



PERLEMBAGAAN NEGERI BRUNEI

SA-PENOH-NYA

Keluaran Pelita Brunei hari ini memuatkan syarat2 kerana memecat ahli2 Majlis Meshuarat yang di-tubuhkan dibawah perlembagaan.

Bahagian VII dalam perlembagaan itu mengenai pembentukan undang2 dan peraturan dalam Majlis Meshuarat Negeri.

* * *

(5) Dengan alasan yang kelihatan pada-nya baik dan mencukupi, Sultan berkuasa dengan surat perintah yang di-chap dengan Mohor Kerajaan, mengishtiharkan bahawa sa-saorang ahli melainkan ahli rasmi kerana jawatan (ex-officio), tidak upaya melakukan pekerjaan sa-bagai ahli itu, dan sa-telah itu ahli itu tiada berhak lagi menduduki kerusi atau mengambil bahagian dalam meshuarat majlis itu, sehingga di-ishtiharkan menurut chara yang tersebut tadi bahawa ia telah upaya sa-mula melakukan pekerjaan-nya.

(6) Dengan alasan yang kelihatan pada-nya baik dan mencukupi, Sultan berkuasa dengan surat perintah yang di-chap dengan Mohor Kerajaan, memberhentikan sementara mana2 ahli, sa-lain dari ahli2 rasmi kerana jawatan (ex-officio) atau ahli yang di-pileh, daripada melakukan pekerjaan2-nya sa-bagai ahli itu, dan sa-telah itu ahli itu tiada berhak lagi menduduki kerusi atau mengambil bahagian dalam meshuarat majlis itu sa-lagi perhentian sementara itu masih berkuat kuasa; dan perhentian sementara itu akan terus berkuat kuasa sa-hingga di-batalkan oleh Sultan dengan surat perintah yang di-chap dengan Mohor Kerajaan, atau sa-hingga orang yang kena berhenti sementara itu berhenti daripada menjadi ahli bagi Majlis Meshuarat Negeri.

* * *

(7) Jika ahli rasmi kerana jawatan (ex-officio) bagi Majlis Meshuarat Negeri di-lantek menjadi Pemangku Raja dan masih lagi memegang jawatan asal-nya itu, dia tidak berhak sa-lagi menjadi Pemangku Raja, menduduki kerusi atau mengambil bahagian dalam persidangan Majlis Meshuarat Negeri sa-bagai ahli rasmi kerana jawatan (ex-officio).

(8) Sa-siapa yang berhenti menjadi Majlis Meshuarat Negeri, boleh di-lantek atau di-pileh sa-mula sa-bagai ahli dari satu masa ka-satu masa.

32. (1) Sultan sahaja yang berkuasa memutuskan soalan :—

(a) Ada-kah sa-saorang ahli rasmi atau yang di-lantek bagi Majlis Meshuarat Negeri sah lantekan-nya sa-bagai ahli majlis itu;

(b) Ada-kah sa-saorang ahli Majlis Meshuarat itu telah mengosongkan kerusi-nya di-majlis itu.

(2) Terta'alok kepada bab 86, maka mahkamah tinggi sahaja yang berkuasa memutuskan soalan.

(a) Ada kah sa-saorang itu sah pemilihan-nya sa-bagai ahli majlis meshuarat itu;

(b) Ada kah sa-saorang ahli yang di-pileh bagi majlis meshuarat itu telah mengosongkan kerusi-nya di-majlis itu.

(3) Semua soalan yang timbul tentang pertubuhan atau keahlian sa-barang Majlis Meshuarat Daerah akan di-putuskan oleh orang atau badan dengan chara yang di-benarkan oleh atau menurut undang2 bertulis yang di-buat bagi tujuan itu.

33. (1) Jika :—

(a) Sa-saorang daripada ahli2

di-lantek menjadi Pemangku Raja;

(b) Kewajipan ahli2 rasmi kerana jawatan (ex-officio) bagi Majlis Meshuarat Negeri adalah ditunaikan oleh kurang dari delapan orang;

(c) Sa-orang ahli rasmi menunaikan kewajipan salah satu daripada jawatan2 yang tersebut;

(d) Kerusi bagi sa-orang ahli rasmi atau yang di-lantek adalah kosong sa-lain daripada kerana majlis meshuarat itu telah di-bubarkan;

(e) Sa-orang ahli itu tidak berhak menduduki dalam Majlis Meshuarat Negeri kerana telah di-ishtiharkan oleh Sultan di-bawah cheraian (5) bab 31 bahawa dia tidak upaya menjalankan pekerjaan-nya sa-bagai ahli;

* * *

(f) Sa-orang ahli, sa-lain dari ahli rasmi kerana jawatan atau ahli yang di-pileh, tidak berhak menduduki dalam Majlis Meshuarat Negeri jika telah di-batalkan lantekan-nya sa-bagai yang tersebut dalam cheraian (6) bab 31;

(g) Sa-orang ahli yang di-lantek telah di-lantek buat sementara untuk menjawat atau memangku suatu jawatan kerajaan;

(h) Sa-orang ahli rasmi atau di-lantek tiada hadir di-negeri, maka boleh-lah Sultan dengan surat perintah yang di-chap dengan Mohor Kerajaan, melantek ahli buat sementara sa-lama kekosongan sa-demikian.

(2) Kalau kekurangan itu adalah dalam bilangan ahli2 rasmi kerana jawatan (ex-officio) atau ahli2 rasmi, maka orang yang di-lantek demikian itu hendak-lah orang yang memegang jawatan kerajaan.

(3) Tiap2 orang yang di-lantek demikian, sa-lagi lantekan-nya itu ada, ada-lah di-sifatkan :—

(a) Kalau dia di-lantek menggantikan ahli rasmi kerana jawatan (ex-officio), sa-bagai ahli rasmi;

(b) Kalau dia di-lantek menggantikan ahli yang di-lantek, sa-bagai ahli yang di-lantek, dan terta'alok kepada bab ini, bab 31 ada-lah terpakai pada-nya.

(4) Mana2 lantekan sementara itu boleh di-batal oleh Sultan dengan surat perintah yang di-chap dengan Mohor Kerajaan.

(5) Lantekan sementara akan berhenti kuat kuasa-nya apabila jurutulis Majlis Meshuarat Negeri telah memberi tahu kepada orang yang di-lantek sementara itu bahawa lantekan-nya itu telah di-batalkan atau apabila lantekan itu telah di-ganti dengan lantekan tetap pada sa-saorang bagi memenuhi kekosongan itu, atau pun jikalau kekosongan itu sudah di-penuhi.

* * *

(34) (1) Apa bila speaker berkehendakkan nasihat daripada mana2 orang dalam negeri mengenai sa-barang perkara yang hendak dibentangkan ka-Majlis Meshuarat Negeri, maka boleh-lah dia menyuruh orang itu menghandhiri Majlis Meshuarat Negeri kerana maksud tersebut.

(2) Sa-siapa yang di-suruh hadir itu boleh dengan kebenaran dari speaker dan terta'alok kepada peraturan2 meshuarat, berchakap di-hadapan Majlis Meshuarat Negeri, tetapi sa-lain dari itu dia tidak boleh mengambil bahagian dalam persidangan itu.

(35) (1) Apa bila kerusi ahli rasmi atau yang di-lantek bagi

Majlis Meshuarat Negeri kosong, maka kekosongan itu hendak-lah di-penuhi dengan lantekan oleh Sultan mengikut perlembagaan ini.

(2) Apa bila kerusi ahli yang di-pileh bagi Majlis Meshuarat Negeri itu kosong, maka kekosongan itu akan di-penuhi dengan pilehan mengikut undang2 bertulis yang berjalan kuat kuasa-nya berkenaan dengan perkara itu.

(36) (1) Maka ahli2 bagi Majlis Meshuarat Negeri akan mempunyai ketinggian pangkat dan keutamaan dalam majlis itu seperti berikut :—

Pertama, ahli2 rasmi kerana jawatan (ex-officio) menurut tertib susunan yang tersebut dalam bab 25;

Kedua, ahli2 rasmi yang di-lantek yang di-pileh menurut tarikh surat2 perintah dengan mana mereka di-lantek atau kalau mereka ahli yang di-pileh, menurut hari mereka di-pileh, atau jika mereka di-lantek atau di-pileh sama hari-nya menurut mana2 susunan yang di-tetapkan oleh Sultan;

Ketiga, ahli2 sementara menurut susunan yang di-tetapkan oleh Sultan.

(2) Apa bila sa-saorang itu di-lantek atau di-pileh menjadi ahli Majlis Meshuarat Negeri bagi memenuhi kekosongan yang di-sebabkan oleh tamat-nya tempoh jawatan-nya sendiri, masa di-antara ketamatan dan lantekan atau pemilehan sa-mula itu akan bagi maksud bab ini di-kira bagi menghitung lama-nya orang tersebut itu telah menjadi ahli majlis.

(37) (1) Sultan boleh dengan surat perintah yang di-chap dengan Mohor Kerajaan, melantek sa-orang speaker bagi Majlis Meshuarat Negeri mahu pun daripada ahli majlis itu atau pun daripada orang2 yang bukan ahli; tetapi melainkan dan sa-hingga sa-orang speaker telah di-lantek atau jika pada bila2 masa tidak ada speaker di-lantek sebutan2 speaker dalam perlembagaan ini (sa-lain dari dalam bab ini) hendak-lah di-fahamkan sa-bagai sebutan2 kepada Menteri Besar.

(2) Sa-siapa yang di-lantek sa-bagai speaker akan memegang jawatan itu chuma sa-lama yang disukai dalam surat perintah itu dengan mana dia di-lantek;

Dengan syarat speaker itu boleh dengan surat yang di-tanda tangani oleh-nya dan di-alamatkan kepada Sultan meletak jawatan-nya, dan jika speaker itu di-lantek dari ahli Majlis Meshuarat Negeri, hendaklah ia meletakkan jawatan-nya jika dia berhenti daripada menjadi ahli majlis itu.

(38) Sa-boleh2-nya speaker hendaklah menghadhiri dan mengurus semua persidangan Majlis Meshuarat Negeri dan jika dia tiada hadir hendaklah persidangan itu di-kerusikan oleh ahli majlis yang di-lantek am-nya atau khas-nya oleh speaker sa-telah dia berunding dengan Sultan, atau kalau ahli yang sa-demikian tidak hadir atau tiada di-lantek, meshuarat hendaklah di-kerusikan oleh ahli yang terdahulu di-sebut dalam susunan ketinggian dan keutamaan.

BAHAGIAN VII PEMBENTOKAN UNDANG2 DAN PERATURAN DALAM MAJLIS MESHUARAT NEGERI

(39) (1) Ada-lah sah bagi Sultan dengan nasihat dan persetujuan Majlis Meshuarat Negeri dan terta'alok kepada perlembagaan ini

membuat undang2 kerana keadilan, kesentosaan dan kebaikan negeri.

(2) Supaya tiada waham, maka dengan ini di-ishtiharkan bahawa undang2 yang di-buat di-bawah cheraian (1) itu boleh di-jalankan kuat kuasa-nya sampai keluar negeri.

(40) (1) Terta'alok kepada perlembagaan ini dan kepada peraturan2 meshuarat, mana2 ahli Majlis Meshuarat Negeri boleh mengemukakan sa-barang rang undang2 atau mengesahkan mana2 usul supaya di-bahathkan di-dalam, atau boleh membentangkan mana2 rayuan kepada Majlis Meshuarat Negeri; dan rang undang2, chadangan atau pun rayuan tersebut itu hendaklah di-bahath dan di-selesaikan mengikut peraturan2 meshuarat.

* * *

(2) Kechuali dengan kebenaran dari Sultan yang di-dapati terdahulu majlis meshuarat di-berkuasa menundingkan mana2 rang undang2, usul atau rayuan yang :—

(a) Berthabit dengan wang atau mata wang negeri;

(b) Menyalasai atau menghapuskan hutang kepada negeri;

(c) Berthabit dengan menyimpan kumpulan wang yang di-satukan (Consolidated Fund), perbelanjaan yang di-keluarkan dari kumpulan wang yang di-satukan atau menghapus atau mengubahkan mana2 perbelanjaan tersebut;

(d) Berthabit dengan pembayaran wang ka-dalam kumpulan wang yang di-satukan atau pembayaran, pengeluaran atau pengambilan dari kumpulan wang itu mana2 wang yang tidak di-kenakan ka-atas-nya, atau sa-barang perubahan kepada jumlah pembayaran, pengeluaran atau pengambilan yang tersebut sa-lain daripada mengurangkan-nya;

(e) Berthabit dengan penerimaan wang bagi faedah kumpulan wang yang di-satukan atau penyimpanan atau pengeluaran sa-demikian, atau pemereksaan kira2 negeri;

* * *

(f) Berthabit dengan pinjaman wang atau pemberian mana2 jaminan oleh negeri, atau pinjaman bagi undang2 yang berhubung dengan kewajipan2 kewangan negeri;

(g) Berthabit dengan peruntukan mana2 chukai atau bayaran,

(3) Sa-suatu rang undang2 atau pindaan kepada rang undang2 adalah di-sifatkan tiada berthabit dengan perkara2 yang di-sebutkan dalam cheraian (2) chuma kalau ia :

(a) Mengenakan atau mengubahkan benda atau lain2 hukuman berkenaan wang atau mengenakan bayaran atau tuntutan bagi bayaran lesen2, atau bayaran kerana pekerjaan yang di-jalankan;

(b) Mengatakan mengubahkan atau mengurangkan chukai atau chukai pintu (rate) yang mesti di-bayar kepada penguasa atau badan tempatan bagi maksud tempatan.

(41) Kechuali jika mesti di-gagaskan sa-bagaimana yang di-agak dengan surat oleh Menteri Besar, maka tiap2 rang undang2 itu hendaklah di-siarkan dalam warta kerajaan buat pengetahuan umum sa-kurang2-nya empat belas hari sa-belum di-kemukakan di-dalam Majlis Meshuarat Negeri.

(42) (1) Kechuali dengan kebenaran Sultan yang di-nyatakan terlebih dahulu, Majlis Meshuarat Negeri tidak boleh merundingkan ma-

(Lihat muka 5)

Pegawai di-denda kerana memalsu

BANDAR BRUNEI — Abdul Rahman bin Ahmad, bekas Timbalan Pengelola Kenderaan Darat Brunei telah di-dapati salah oleh Stipendiary Magistrate, Tuan R.G.P.M. Combe, atas dua tuduhan memalsu.

Tuan Combe telah menjatuhkan hukuman denda sa-banyak \$50 atas tiap2 satu tuduhan dan Abdul Rahman di-perentahkan membayar perbelanjaan berkenaan dengan penda'waan sa-banyak \$250.

Atas tuduhan yang ketiga, ia itu menerima satu barang yang berharga dengan tidak chukup bayaran Abdul Rahman telah melepaskan berikutan dengan kenyataan bahawa pehak penda'wa tidak berkeras atas perbicharaan perkara itu.

Sungguh pun demikian Tuan Combe telah menyatakan bahawa pehak penda'wa boleh mengemukakan sa-mula tuduhan menerima satu barang yang berharga dengan tidak chukup bayaran itu jika hukuman-nya di-

ketepikan oleh mahkamah ulang bichara kelak.

Dalam tuduhan2 itu Abdul Rahman di-katakan telah memalsu dua surat yang memberi persetujuan mengeluarkan lesen2 taxi.

Jawatan-nya telah di-gantong pada 31 May lepas.

Hukuman denda itu telah di-jatuhkan di-mahkamah di-sini pada 11 January sa-telah Abdul Rahman di-bicharakan di-mahkamah Kuala Belait.

Abdul Rahman telah di-bela oleh Tuan Leslie Rayner dari Singapura.

CHARA UNDANG2 DI-SHOR DAN DI-LULUSKAN

(Dari muka 4)

na2 rang undang2 atau pindaan kepada sa-barang rang undang2 yang pada pendapatan speaker ada-lah termasuk dalam mana2 jenis yang berikut :—

(a) Mana2 rang undang2 berkenaan dengan wang kertas yang dikeluarkan oleh bank, penubohan mana2 persekutuan bank atau pindaan pada perlembagaan-nya;

(b) Mana2 rang undang2 yang kelihatan berlawanan dengan tanggungan2 yang di-letak pada Sultan atau Seri Baginda Queen oleh teriti atau perjanjian;

(c) Mana2 rang undang2 yang berkaitan dengan masalah2 pertahanan atau keselamatan umum atau mana2 perkara mengenai tata tertib (discipline) atau kawalan atau gerakan pasokan2 tentera Seri Baginda Queen di-darat, di-laut atau di-udara.


* * *

(2) Kebenaran Sultan berkenaan dengan mana2 rang undang2 atau mana2 pindaan kepada rang undang2 di-bawah bab ini boleh lah di-nyatakan oleh-nya pada bila2 masa sa-belum Sultan memberi pegesahan pada-nya, dan dalam masa Majlis Meshuarat Negeri sedang bersidang, boleh-lah kebenaran itu di-beri dengan mulut menerusi Menteri Besar dan jika ia di-beri pada bila2 masa yang lain, hendak-lah di-beri dengan surat yang di-tanda tangan oleh Menteri Besar.

* * *

(3) Speaker boleh pada bila2 masa menurut suka hati-nya menangguhkan persidangan Majlis Meshuarat Negeri untuk memperolehi nasihat Sultan menurut arahan (1) mengenai mana2 rang undang2 atau mana2 pindaan kepada rang undang2 yang ada di-hadapan majlis itu dan speaker boleh menghendaki supaya Majlis Meshuarat Negeri jangan merundingkan-nya sa-hingga Sultan telah memberi kebenaran-nya.

(Bersambung)



PEGAWAI PINJAMAN TAMAT 3 TAHUN PERKHIDMATAN

Tuan John Duclos, bekas Ketua Jabatan Radio Brunei telah berlepas ka-Singapura pada hari Khamis lepas sa-telah menamatkan perkhidmatan-nya dengan Kerajaan Brunei.

Beliau balek bersama isteri dan tiga orang anak-nya.

Tuan Duclos telah di-pinjamkan oleh Radio Malaya untuk menguruskan penubohan Jabatan Radio Brunei tiga tahun dahulu. Jabatan Radio itu sekarang

mempunyai sa-buah bangunan yang moden di-Bandar Brunei yang mengandungi beberapa buah studio.

Sa-buah studio lagi telah siap di-bena di-Kuala Belait dalam tahun lepas.

Gambar di-atas telah di-ambil di-lapangan terbang Berakas sa-jurus sa-belum Tuan Duclos dan keluarga-nya menaiki kapal terbang Viscount Malayan Airways yang membawa mereka balek ka-Singapura.

Rapat umum Parti Rakyat

BANDAR BRUNEI — Partai Rakyat Brunei, ia-itu suatu parti politik yang halal di-negeri ini akan mengadakan rapat umum di-lapangan di-hadapan pasar Bandar Brunei pada 22 February hadapan.

Parti itu akan mengadakan persidangan tertutup di-dewan meshuarat-nya di-Kilanas sa-belum rapat umum tersebut.

Perkhemahan memberi selamat perpisahan kepada ketua

BANDAR BRUNEI — Pandu Puteri Bandar Brunei telah mengadakan perkhemahan camp fire di-Bandar Brunei dalam minggu lepas kerana memberi selamat berpisah kepada ketua mereka Puan L. A. Bradshaw.

Puan Bradshaw yang menjadi Pesuruh Jaya Pandu Puteri Negeri Brunei akan meninggalkan negeri ini sa-telah bersara dari jawatan sa-bagai sa-orang guru

di-maktab Sultan Omar Ali Saifuddin College.

Beliau akan balek ka-England bersama suami-nya Tuan Bradshaw bekas Pengetua maktab itu.

Dalam camp fire yang di-adakan pada malam itu hampir 100 orang pandu puteri telah hadir. Puan Judith Fitton Pesuruh Jaya Daerah telah mengetuai camp fire tersebut.

Pandu Puteri telah menari dan menyanyi di-lapangan di-hadapan bangunan Palang Merah Bandar Brunei.

PEMUDA MELAYU DI-HUKUM PENJARA KERANA KESALAHAN MEMALSU

BANDAR BRUNEI — Sa-orang pemuda, Junaidi bin Katar berumur 19 tahun dan menganggor telah di-hukum penjara sa-lama enam bulan sa-telah di-dapati salah atas tuduhan memalsu.

Hukuman itu telah di-jatuhkan oleh Stipendiary Magistrate, Tuan R.G.P.N. Combe di-sini pada hari Ithnin lepas.

Junaidi di-katakan telah menunggang sa-buah motosikal dengan tidak kebenaran tuan motosikal itu dan telah berlanggar dengan sa-buah bas pada 9 December tahun lepas di-Jalan Sultan, Bandar Brunei.

Ia telah membuat aduan kepada Polis sa-lepas perlanggaran itu bahawa nama-nya ia-lah Sabang bin Abbas.

Kenyataan palsu itu telah di-

Pertandingan gambar

BANDAR BRUNEI — Penggemar2 camera di-Brunei ada-lah di-beri peluang memasoki pertandingan kerana menentukan lima orang yang pandai sa-kali mengambil gambar.

Film2 8 mm dan 16 mm akan di-terima. Bayaran tiada dikenakan kerana masuk pertandingan.

Borang2 masuk pertandingan boleh di-dapati daripada Setiausaha, Singapore Film Society, c/o United Engineers Ltd., River Valley Road, Singapore.

Pejabat baharu bagi Pemereksa Sukatan dan Timbangan Brunei

BANDAR BRUNEI—Pejabat Sukatan dan Timbangan Brunei telah berpindah ka-studio Radio Brunei lama yang berhadapan dengan bangunan Pejabat Pos di-Bandar Brunei pada hari Ithnin lepas.

Pedagang2 dan orang2 yang mempunyai perkakas sukatan dan timbangan ada-lah di-kehendaki membawa perkakas2 mereka untuk dipereksa di-pejabat baharu itu.

Kemajuan negara terletak di-bahu pemuda

BANDAR BRUNEI. — Kini kita telah insaf dan akan terus insaf untuk memperbaiki taraf kita sa-hingga tercapai apa yang kita sedang chita2kan.

Kesederan bangsa kita terutama di-kalangan pemuda pemudi hari ini telah nampak berchambah dan apa yang sedang di-impikan ada-lah nampak dengan jelas dan terang.

Kita bangsa Melayu di-Brunei telah meningkat kemajuannya dari sa-tangga ka-sa-tangga melalui gelombang perjuangan untuk menuju chita2 yang suchi murni.

Kini kita telah sedar rasa tanggung jawab kita terhadap negara ada-lah bertambah dari samasa ka-samasa dan ini ada-lah

Kemajuan di-tangan penuntut2

BANDAR BRUNEI — Maju dan mundor-nya sa-suatu bangsa itu dan negara itu ada-lah bergantung pada bilangan penduduk2 yang terpelajar dan bijak pandai.

Negeri Brunei yang sa-hingga pechah perang dunia kedua dahulu ada-lah sa-buah negara yang mundor telah bergerak maju oleh sebab kerajaan menggalakkan pemuda pemudi-nya menuntut ilmu yang lebeh tinggi.

Semenjak beberapa tahun yang lalu Brunei telah menghantar penuntut2 ka-seberang laut tiap2 tahun.

Bilangan penuntut2 itu ada-lah dalam lengkungan ratusan pada masa ini.

Penuntut2 itu ada-lah di-angap menjadi pemimpin bagi masa akan datang untuk menunjok ajar tunas2 baharu yang kini sedang dahagikan pelajaran.

Dengan kebijaksanaan mereka kelak negeri ini akan terus mara ka-hadapan menchapai kemajuan yang lebeh baik. (AAA)

dasar perjuangan bangsa kita sekarang.

Sungguh pun demikian ada-lah agak-nya sukar hendak mengembangkan perasaan bertanggung jawab itu kerana kita terpaksa menghadapi berbagai2 rintangan di-sekitar lengkungan kita masing2.

Sa-bahagian besar bangsa kita maseh banyak yang buta huruf, buta berita dan buta penerangan lain2-nya dan kapada mereka itu kata2 "pemuda harapan bangsa" itu hanya-lah menjadi chita2 sahaja.

WANITA BERGERAK LEBEH CHEPAT SA-LEPAS PERANG

BANDAR BRUNEI.—Semenjak bom atom di-gugorkan di-Horishima dan sa-telah aman dari peperangan dunia yang kedua beberapa tahun yang lampau, keadaan kaum wanita dari hari ka-sahari telah nampak jauh perbezaan-nya daripada sa-belum pechah perang itu.

Kita berasa shukor kerana dengan ada-nya peperangan itu-lah wanita Melayu telah sedar dan pandai menghargakan kemajuan taraf hidup-nya.

Kita tidak hairan mengapakah wanita bangsa asing lebeh dahulu menchapai kemajuan. Mereka itu telah di-galakkan memasoki berbagai2 lapangan untuk meninggikan taraf hidup terlebeh dahulu daripada wanita Melayu.

Soal ini selalu di-binchangkan

Pemuda pemudi yang terpelajar ada-lah bertanggung jawab terhadap negara dan bangsa kerana kemajuan dan kebaikan negara akan datang terletak di-bahu pemuda pemudi itu.

Pemuda pemudi juga banyak membawa pengaruh yang akan dapat membimbing bangsa kita ka-arrah kemajuan.

Di-zaman yang serba maju ini, kita berasa bangga kerana banyak perubahan2 yang telah kita dapati di-kalangan pemuda pemudi.

Mereka mendukong chita2 yang tinggi dan mereka sanggup bekerja dengan tekun demi kepentingan bangsa dan negara dengan meninggikan darjah ra'ayat yang akan datang.

Dalam hal ini pemuda pemudi negeri ini telah mula menurut jejak langkah negara2 yang telah maju yang telah berdiri sama tinggi duduk sama rendah. — (M. Samsinah).

oleh orang ramai walau pun dahulu soalan itu di-ketepikan kerana konon-nya wanita tidak berhak menchapai dalam soal kemajuan negeri.

Perasaan yang demikian telah menyebabkan wanita Melayu tertinggal jauh di-belakang pada hal wanita Melayu memang berkebolehan di-sagenap lapangan.

Tetapi maseh ada masharakat yang merendah2kan taraf wanita sungguh pun kemajuan wanita ada-lah satu perkara yang sangat di-hargai.

Kemajuan wanita dalam segala lapangan tidak akan dapat dichegah kerana jika dahulu-nya mereka itu di-kawal dengan rapi hari ini ibu bapa telah membenarkan kaum wanita bergerak dalam sa-genap lapangan. (Mala Mas)

Penerimaan taligram pada hari2 kelepasan

BANDAR BRUNEI — Pejabat taligraf di-seluruh Negeri Brunei ada-lah di-buka pada hari Juma'at, Ahad dan hari2 kelepasan am dari pukul 7.30 pagi hingga 12 tengah hari.

Peratoran ini ia-lah untuk mensesuaikan dengan keputusan kerajaan menjadikan hari Juma'at dan Ahad hari2 kelepasan am.

Pejabat2 taligraf ada-lah di-buka saperti biasa pada hari2 bekerja.

FIKIRAN WARAS GIATKAN CHITA2

BANDAR BRUNEI. —

Resmi sa-saorang itu tidak akan berubah jika orang itu tidak chuba mengubah-nya apabila ia insaf akan keburokan resmi-nya itu.

Sering di-dapati orang yang burok perangai-nya ia-lah orang yang benchi melihat kesenangan dan kema'moran orang lain.

Sa-orang yang bersifat demikian tidak akan sedar bahawa ia merendahkan ahlak-nya sendiri kerana ia berpegang pada kehendak hati-nya sendiri.

Jikalau chita2-nya waras untuk kepentingan ramai orang itu akan menjadi lebeh giat menchuba mempunyai chita2 murni hingga tujuan-nya berhasil.

Orang yang sehat fikiran-nya tidak akan memandang pada kesenangan orang lain dengan berhati dengki. Ia melihat tuladan sa-demikian itu dengan bergembira dan shukor. (HH)

Mesjid Ini memerlukan perkakas2 dalam

TELISAI. — Masjid Telisai yang baharu siap di-bena itu maseh memerlukan bantuan wang untuk membeli perkakas2 di-dalam bangunan itu.

Masjid itu telah di-dirikan dengan derma daripada penduduk2 Kampong Telisai dan bantuan wang daripada orang2 Islam Negeri Brunei.

Sa-banyak \$3,878.29 telah dikutip. Wang itu di-gunakan untuk membeli kayu dan bayaran kerana mendirikan masjid tersebut.

Naib Setiausaha Pembinaan Masjid Telisai, Inche Hasbullah, berkata bahawa masjid itu telah di-buka untuk bersembahyang Juma'at pada 27 November lepas.

Tetapi banyak lagi perkakas2 yang belum di-adakan terutamanya perkakas2 dalam masjid.

Derma khas untuk membeli perkakas2 itu ada-lah di-buka pada masa ini.

Kiriman2 hendak-lah di-hantarkan kapada Naib Setiausaha Pembinaan, Masjid Telisai.



Sa-bahagian daripada tetamu pada malam majlis makan kechil yang telah di-adakan di-dewan Civic Center, Bandar Brunei, oleh Persekutuan Guru2 Melayu Brunei kerana menyambut ulang tahun ke-20 penubuhan persekutuan tersebut.

Permainan bersekh yang jarang2 di-saksikan

BANDAR BRUNEI. — Peminat2 bola sepak di-sini telah menyaksikan satu perlawanan yang jarang2 di-lihat di-Bandar Brunei kerana kebersehan permainan-nya di-padang besar di-sini pada hari Juma'at lepas.

Lebeh 2,000 orang telah melihat perlawanan sa-chara persahabatan antara pasukan Forlanders dengan Pejabat Pelajaran pada petang itu.

Pasokan itu telah terlebih dahulu menarek diri dari pertandingan league bahagian satu kerana hendak menjauhkan perselisehan dengan satengah2 pasokan league satu yang kasar permainan-nya.

Dalam perlawanan persahabatan itu Forlanders telah bermain dengan cekap dan telah mengajahkan pasokan Pejabat Pelajaran dua gol berbalas satu.

Pasokan Forlanders telah bermain lebeh baik dari pasokan Pejabat Pelajaran dan dari penghantaran bola yang membingungkan lawan-nya telah berjaya menjaringkan satu gol dalam pertengahan pertama.

Gol itu telah di-jaringkan oleh centreforward Norman Vowles.

Keadaan ini berlangsung sehingga akhir pertengahan pertama.

Dalam pertengahan akhir Forlanders telah menjaringkan gol-nya yang kedua. Kali ini melalui Vowles juga apabila penjaga gol Pejabat Pelajaran, Abdul Jalil, menerkam keluar meninggalkan gol-nya.

Gol itu telah di-jaringkan dengan senang sahaja ka-dalam kubu yang tidak berjaga lagi itu.

Pejabat Pelajaran telah berjaya mengurangkan kekalahan-nya tidak beberapa minit sebelum isyarat tamat permainan ditup.

Gol itu di-dapati menerusi tendangan penalti sa-telah sa-orang pemain Forlanders "menangan" bola.

Penubohan pasokan cricket di-SOAS

BANDAR BRUNEI. Sekolah Sultan Omar Ali Saifuddin College di-sini mungkin mengadakan satu pasokan cricket untuk memasuki league Brunei State Cricket dalam bulan April hadapan ini.

Kolej itu telah menubuhkan satu pasokan cricket bagi kali pertama-nya pada awal bulan ini.

Lebeh 30 orang murid telah mendaftarkan nama untuk berlatch tiga kali seminggu.

Pasokan2 cricket di-kalangan murid2 sa-hingga ini hanya-lah di-dapati di-sekolah pertukangan BSP, Seria dan Anthony Abell College Seria.

Pasokan cricket Anthony Abell College itu tidak mengambil bahagian dalam pertandingan league atau perlawanan antara sekolah2.

POLIS KALAHKAN GOVERNMENT SERVICES DALAM LEAGUE

BANDAR BRUNEI. — Pasokan bola sepak polis telah berjaya mengalahkan pasokan Government Services 2 gol tidak berbalas dalam perlawanan kerana kejohanan league bahagian kedua.

Perlawanan itu telah di-langsungkan di-padang besar di-sini pada hari Sabtu lepas.

Permainan telah di-berhentikan sa-bentar berikutan dengan satu pergaduhan antara sa-orang pemain pasokan Government Services dengan sa-orang pemain pasokan polis dalam pertengahan akhir.


Lebeh kurang 15 minit sa-telah permainan di-mulakan Ahmad Deli center forward pasokan polis telah berjaya menjaringkan gol yang pertama.

Perlawanan antara kedua2 pasokan yang sama2 handal itu telah di-saksikan oleh lebeh kurang 2,000 orang peminat2 bola sepak.

Dalam pertengahan akhir pasokan polis telah berjaya menjaringkan gol yang kedua.

Gol itu di-jaringkan oleh Ak. Omar.

1 DARI 4 JAMBATAN



Jambatan Gadong dekat Bandar Brunei ia-lah sa-buah jambatan yang besar yang telah di-bena di-bawah ranchangan empat buah jambatan yang memakan belanja lebeh \$2 juta akan di-buka dalam tahun ini.

Lain2 jambatan yang besar itu ia-lah jambatan2 Telemba, Tutong dan jambatan Edinburgh yang menghubungkan Bandar Brunei dengan Kuala Belait.

Jawatan kuasa baharu Brunei Motor Club

KUALA BELAIT.—Persatuan Brunei State Motor Club telah memilih sa-mula Tuan P. R. W. Jupe sa-bagai Yang di-Pertuanya bagi tahun ini dalam satu mesnuarat yang di-adakan di-sini baharu2 ini.

Lain2 anggota jawatan kuasa persatuan itu ia-lah :

Pengiran Abu Bakar, Naib yang di-Pertua (Belait), Pengiran Yusof, Naib Yang di-Pertua (Brunei), Puan F. M. Norman, Setiausaha Tuan G. Runcie, Bendahari, Tuan J. B. Cook, Setiausaha Perlumbaan, Tuan R. D. Leather, Tuan W. J. Davis, Tuan

J. M. Fisher, Tuan J. R. Elton, ahli2 jawatan kuasa dan Tuan R. Ker-Lindsay, ahli jawatan.

United kalah berlawan dengan Town Scratch

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Brunei United telah di-kalahkan satu gol tidak berbalas dalam satu perlawanan persahabatan dengan pasokan Brunei Town Scratch pada petang Ahad lepas.

Perlawanan yang di-adakan di-padang besar itu telah di-ganggu oleh keadaan padang yang lembab.

Ayer kelihatan bertakong di-beberapa tempat oleh kerana hujan lebat pada malam itu.

Gol yang membawa kemenangan kepada pasokan Brunei Town Scratch itu telah di-dapati dalam pertengahan akhir.

Perlawanan merebutkan piala Higgins

KUALA BELAIT. — Pasokan bola sepak Kuala Belait Recreation Club dan Polis ada-lah di-jadualkan berlawan pada petang ini di-padang KBRC kerana merebutkan piala Higgins.

Pertandingan antara kedua pasokan itu telah dua kali ditanggohkan.

Sa-belum pertandingan ini pasokan KBRC telah bermain dengan pasokan Shell Recreation dan Panaga Club di-padang SRC, Seria.



Sa-kumpulan pandu puteri Bandar Brunei berlagak pada akhir satu nyanyian pada malam camp fire yang di-adakan dalam minggu lepas kerana memberi selamat perpisahan kepada bekas Pesuruh Jaya Pandu Puteri Brunei, Puan L. A. Bradshaw.

Demokrasi dipimpin ancham parti siasah

JAKARTA — Demokrasi sa-chara barat telah di-lenyapkan di-Indonesia dan sa-bagai ganti-nya Presiden Soekarno telah melaksanakan sa-penoh-nya demokrasi dipimpin untuk menwujudkan Negara Sosialis Indonesia.

Tiga perishtiwaran Presiden yang di-keluarkan baharu2 ini telah melenyapkan demokrasi berchorak barat itu.

Perishtiwaran pertama memberikan kuasa tertinggi kepada Presiden atas semua parti2 politik di-Indonesia dengan kuasa mutlak boleh membubarkan parti2 itu.

Kedua — membentok dewan perwakilan ra'ayat, badan yang tertinggi sa-kali di-Indonesia dan ketiga membentok front nasional yang di-ketuai sendiri oleh Presiden Soekarno.

Menurut perishtiwaran itu Presiden Soekarno sa-telah berunding dengan Mahkamah tinggi boleh membubarkan parti2 politik yang bertujuan hendak mengubah dasar kenegaraan atau menyetujui atau menyokong pemberontakan.

Semua parti2 politik di-Indonesia sekarang di-perintahkan memenohi sharat2 yang tertentu jika hendak terus bergerak.

Presiden Soekarno mengumumkan bahawa tugas front sosialis ia-lah bekerja sama dengan pemerintah untuk menjayakan

pembangunan sa-buah negara yang adil dan ma'mor, dan mengembalikan sa-mula Irian Barat ka-dalam wilayah Republik Indonesia.

Seluruh ra'ayat Indonesia boleh menjadi anggota front itu.

Perishtiwaran Presiden itu mengancham kedudukan dua parti yang terbesar di-Indonesia ia-itu Parti Masjumi dan Parti Komunis.

Kedua2 parti itu di-masa akhir2 ini menegor demokrasi dipimpin yang di-anjorkan oleh Presiden.

HARAPAN INDONESIA DAN CHINA KOMUNIS ATAS PERSELISEHAN

JAKARTA. — Satu penyelesaian harus akan di-dapati atas perselisihan di-antara Indonesia dan China Komunis, demikian mengikut sumber2 berita di-sini.

Perhubungan di-antara kedua2 buah negara Asia yang besar ini telah hampir putus tiga bulan yang lepas, apabila Indonesia melarang ahli2 perniagaan bangsa asing, yang kebanyakan China dari berniaga di-daerah2 luar bandar.

Sa-lepas berunding sa-lama 15 minit dengan Duta China, Huang Chen, Menteri Luar Indonesia, Doktor Subandrio berkata:

Kami telah membincangkan perkara penetapan satu tarikh untuk mengesahkan perjanjian bagi mengadakan dua rupa bangsa.

Pengesahan atas perjanjian yang akan membenarkan orang2 China dan Indonesia mengekalkan taraf kebangsaan mereka di-kedua2 buah negeri itu telah tergendala oleh perselisihan tersebut.

Doktor Subandrio berkata bahawa tarikh pengesahan itu akan di-bincangkan oleh kerajaan, tetapi tarikh yang di-maksudkan ia-lah "lebeh kurang 20 January".

Doktor Subandrio kemudian-nya telah bertolak dari Jakarta kerana melawat sa-lama lima hari ka-khemah2 pertahanan ahli2 perniagaan asing yang baharu2 ini telah dipindahkan dari daerah2 luar bandar di-Jawa Barat menurut perintah kerajaan.

Malaya berchadang membena 30,000 rumah murah tiap2 tahun

KUALA LUBPUR — Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu baharu2 ini telah merayu kepada kerajaan2 negeri supaya membantu mengadakan rumah2 yang murah harga-nya.

Sa-orang juruchakap kerajaan telah berkata bahawa Kementrian Dalam Negeri telah menyediakan wang sa-banyak \$3,645,000 untuk mendirikan rumah2 dalam tahun ini.

Wang peruntukan ini mungkin akan di-tambah lagi di-tahun2 yang akan datang.

Beliau telah menyatakan bahawa kerajaan2 negeri telah di-

minta untuk mengadakan tanah2 dengan perchuma dan juga mengadakan beberapa kemudahan2 seperti jalan2 raya dan paip2 ayer.

Juruchakap itu berkata: Mengikut kenyataan banchi tahun 1957, bahawa 260,000 buah rumah2 ada-lah di-kehendaki sekarang untuk memberi tempat

kediaman kepada orang2 yang pendapatan-nya kurang dari \$300 sa-bulan.

Sa-banyak 30,000 buah rumah yang saperti itu ada-lah di-kehendaki pada tiap2 tahun untuk penduduk2 yang bertambah2 itu.

TANAMAN PADI DUA KALI SA-TAHUN

KUALA LUMPUR — Menanam padi dua kali sa-tahun yang di-galakkan oleh Kerajaan telah mendapat kejayaan besar dengan memberikan penghasilan sa-banyak 422 gantang pada sa-ekar.

Menteri Pertanian Persekutuan Tanah Melayu, Inche Abdul Aziz bin Ishak berkata pada masa ini sa-luas 11,640 ekar ada-lah ditanam dua kali sa-tahun.

Jumlah tanah yang di-tanam dengan padi di-Malaya ia-lah 850,000 ekar.

Inche Aziz menerangkan bahawa tahun yang baharu tamat ada-lah tahun yang pertama kempen2 menanam padi dua kali sa-tahun di-jalankan. Kempen itu akan di-perhebatkan lagi dalam tahun hadapan.

Menanam padi dua kali sa-tahun itu telah di-jalankan di-Malaya semenjak beberapa tahun dahulu. Hasil-nya telah bertambah dari sa-tahun ka-satahunan.

Sungguh pun demikian Persekutuan belum lagi mencapai chita2nya ka-taraf menchukupi penghasilan beras.

Negeri itu membawa masuk hampir 38% dari beras yang di-kehendaki-nya dari luar negeri.

Persidangan diplomat dan tentera di-Singapura

SINGAPURA — Pesurohjaya Agong British bagi Tenggara Asia, Earl of Selkirk, telah meneruskan untuk kali pertamanya di-Singapura hari ini, mesuarat ahli2 diplomat dan tentera dari daerah2 Tenggara Asia.

Lord Selkirk telah sampai di-Singapura pada 6 January kerana memegang dua jawatan ia-itu Pesurohjaya British di-Singapura dan Pesurohjaya Agong bagi Tenggara Asia.

Mesuarat yang di-hadhiri oleh pegawai2 kanan British dan Panglima Agong tentera di-Tenggara Asia yang akan memakan masa sa-lama empat hari itu, ada-lah satu perkara biasa yang terjadi pada tiap2 tahun.

Satu pengumuman dari pejabat Pesurohjaya Agong menyatakan bahawa perbincangan2 ada-lah bebas dan di-rahasiakan dan kenyataan tidak akan di-terbitkan.

MAKTAB TENTERA UNTUK MELATEH PEGAWAI2 TENTERA PERSEKUTUAN

KUALA LUMPUR. — "Sandhurst" Malaya yang berhampiran dengan Kuala Lumpur itu ada-lah di-dirikan dengan wang bantuan sa-bagai pemberian daripada Kerajaan British.

Apabila siap nanti, 10,000 orang pegawai dan askar serta keluarga mereka akan tinggal di-situ.

Pekerja2 dan buroh dari Hongkong

HONG KONG. — Sa-ramai 63 orang pekerja2 pembenaan yang maher telah datang ka-Brunei dari Hongkong dalam suku ketiga tahun 1959 menurut satu kenyataan Pejabat Buroh Hongkong.

Dalam masa itu juga Brunei telah membenarkan masuk 69 orang untuk bekerja sa-bagai orang2 gaji di-rumah2.

Pekerja2 pembenaan dan orang2 gaji telah juga datang ka-Borneo Utara dan Sarawak, tetapi bilangan mereka ada-lah kurang sedikit dari Brunei.

Tarikh persiapan-nya sudah pun di-tetapkan dalam bulan December 1963.

Tetapi pada bulan March 1961, satu maktab tentera Persekutuan Tanah Melayu akan siap di-bena dengan anggaran belanja sa-banyak \$7,000,000 di-satu kawasan 200 ekar luas-nya.

Jumlah belanja untuk mendirikan pusat tentera ini ada-lah di-anggarkan sa-banyak \$22,000,000.

Maktab tentera itu ia-lah untuk melateh bakal2 pegawai tentera sa-ramai 80 orang pada sa-satu masa.

Sa-buah mesjid, hospital, kedai2 dan sa-buah pusat kebajikan masharakat akan di-dirikan di-kawasan perumahan tentera yang 1,200 ekar luas-nya itu.